

## **SYAIR DIRAJA MELAYU PERAK-JOHOR ERA KONTEMPORARI: SATU PERBANDINGAN KEPENGARANGAN**

*(Royal Syair in the Contemporary Era of Perak-Johor: Comparison of Authorship)*

ROSNANI IBRAHIM, MUAMMAR GHADDAFI HANAFIAH & SHAIFU BAHRI MD.  
RADZI

### ABSTRAK

*Abad ke-16 hingga penghujung abad ke-19, penceritaan dan pujiannya terhadap sultan menjadi ideanya kepengarangan. Penceritaan dan pujiannya ini disampaikan dengan menjadikannya syair sebagai wadahnya. Syair terakhir yang merakamkan sejarah golongan Diraja ini ialah Syair Riwayat Yang Amat Mulia Tengku Ampuan Besar Pahang (1953). Walau bagaimanapun, kepengarangan sedemikian kurang digunakan apabila berkembangnya sastera moden. Kuasa Barat membawa kepelbagaiannya bentuk dan genre baharu dalam pengkaryaan. Setelah 56 tahun berlalu, muncul dua karya, Syair Sultan Azlan Shah Berjiwa Rakyat (2009), Mohd Ibrahim bin Said dan Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar (2018) oleh Maskiah binti Masrom pada era kontemporari ini. Raja dan sultan menjadi objek penceritaan dalam kedua-dua karya ini. Persoalannya, apakah skop atau kriteria yang menjadi ideanya kepengarangan mereka? Skop atau kriteria yang menjadi ideanya kepengarangan yang digunakan kedua-dua penulis dalam mempersembahkan penceritaan berhubung raja-raja mereka. Kedua-dua teks syair DiRaja ini dijadikan sampel kajian. Kaedah kaji banding diaplikasi untuk meneliti kepengarangan mereka dalam mempersembahkan ideanya rakaman sejarah DiRaja pada era kontemporari. Kaedah kajian secara intrinsik terhadap sampel kajian juga turut digunakan. Dapatkan kajian menemukan biografi raja menjadi skop atau kriteria yang menjadi ideanya kepengarangan kedua-dua penulis dalam menjulang dan memartabatkan rajanya.*

*Kata kunci:* Kritikan sastera; Kaji banding; Kepengarangan; Syair DiRaja; Syair kontemporari

### ABSTRACT

*The 16th century to the end of the 19th century, storytelling and praise of the sultan became the idea of authorship. This storytelling and praise are conveyed by making poetry his platform. The last poem to record the history of this Royal group was the Syair Riwayat Yang Amat Mulia Tengku Ampuan Besar Pahang (1953). However, such influence is less used when modern literature develops. Western powers bring a new diversity of forms and genres in creation. After 56 years, two works have emerged, Syair Sultan Azlan Shah Berjiwa Rakyat (2009), Mohd Ibrahim bin Said and Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar (2018) by Maskiah binti Masrom in this contemporary era. Kings and sultans became objects of storytelling in both works. The question is, what are the scopes or criteria that are the ideas of their authorship? The scope or criterion that became the idea of authorship used by both authors in presenting storytelling about their rulers. Both texts of the Royal poetry were sampled. Comparative methods are applied to examine their influence in presenting the idea of Royal history recordings in the contemporary era. Intrinsically research methods on study*

*samples were also used. The findings found that the king's biography became the scope or criterion that became the idea of authorship for both authors in praise and upholding his king.*

*Keywords:* *Literary criticism; Peering; Authorship; Royal syair; Contemporary syair*

## PENDAHULUAN

Syair Sultan Azlan Shah, Putera Raja Berjiwa Rakyat dan Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar merupakan dua karya syair yang lahir dalam era kontemporari. Dua karya ini menjadikan raja atau sultan bagi negeri masing-masing sebagai idea penceritaan. Ibrahim bin Mohd Said, penulis dari negeri Perak menjadikan Sultan Azlan Shah sebagai modus penceritaan. Maskiah binti Masrom menjulang dan memartabatkan rajanya Sultan Ibrahim sebagai idea pengkaryaan. Syair dijadikan wadah pengkaryaan kedua-dua penulis. Kehebatan, keintelikualan dan keperibadian mulia yang dimiliki raja dan sultan mereka digambarkan dalam karya-karya ini. Konsep ketaatan seorang rakyat kepada raja diserahkan dalam penulisan kedua-dua teks ini.

Ibrahim bin Mohd Said dan Maskiah binti Masrom,bukanlah individu yang rapat dengan pihak istana. Mereka berdua bukan golongan berdarah raja atau keturunan diraja. Mereka berdua juga tidak mempunyai peluang untuk akses ke istana. Justeru, sukar untuk mereka mengetahui dengan lebih jelas, lanjut dan terperinci berhubung raja atau sultan yang dijadikan objek penceritaan. Jika dibanding dengan penulis-penulis karya syair diraja dalam era abad ke-16 hingga ke-19. Sebagai contoh seperti Che Lah dari Terengganu dalam era 1784 yang membicarakan atau menceritakan kisah kehidupan raja Sultan Mahmud Syah berserta keluarganya yang memerintah ketika itu. Na Tian Piet, Tengku Dalam Kalthum (TDK) binti Tengku Wok Khazaki dan Mohd. Said Sulaiman. Penulis-penulis pada era ini bukan sahaja terdiri daripada kerabat diraja, sahabat perdagangan raja juga pegawai-pegawai diraja. Jika dibandingkan dengan penulis teks syiar kontemporari ini. Kedua-dua penulis hanya rakyat biasa. Tegasnya kedua-dua penulis tidak mempunyai sebarang hubungan apa pun baik dengan para pegawai istana apatah lagi dengan raja atau sultan bagi negeri mereka. Oleh itu, pengkajian ini ingin memberi satu jawapan apakah skop atau kriteria yang dijadikan idea atau isi penceritaan dalam karya syair diraja mereka. Lebih jelas apakah idea kepengarangan yang digunakan oleh kedua-dua penulis dalam teks syair diraja yang dihasilkan. Dalam usaha kedua-dua pengarang mengangkat, menyanjung dan memartabatkan raja-raja mereka. Apatah lagi dalam keterbatasan ruang dan peluang untuk mengenali kehidupan raja, Sultan Azlan Shah bagi penulis dari negeri Perak juga Miskiah binti Masrom penulis dari negeri Johor berhubung Sultan Ibrahim. Kaedah kaji banding diaplikasi untuk proses penelitian dan pengkajian terhadap dua teks syair kontemporari ini.

Kajian ini bertujuan menganalisis perbandingan kepengarangan dalam Syair Sultan Azlan Shah Berjiwa Rakyat (2009) hasil karya Ibrahim bin Mohd Said dengan Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Amarhum Sultan Iskandar (2018) oleh Maskiah binti Masrom. Perbandingan kepengarangan yang melibatkan biografi sultan berhubung kelahiran, perkahwinan, pendidikan, kejayaan, ketokohan dan sumbangsan.

## KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa kajian yang diakukan terhadap teks-teks syair Diraja. Teks *Syair Tawarikh Zainal Abidin Yang Ketiga* turut dikaji oleh Muhammad Yusuf Hashim pada tahun 1991. Muhammad Yusuf Hahim menggunakan tiga teks syair yang berkaitan dengan Raja

Terengganu, Sultan Zainal Abidin. Tiga teks berkenaan ialah *Riwayat Terengganu Darul Iman*, *Syair Tawarikh Zainal Abidin Yang Ketiga* dan Teks X<sup>1</sup>. Kajian beliau adalah bersifat penyelenggaraan dan penganalisisan terhadap tiga buah teks Melayu tradisional syair sebagai wadahnya dan yang bercorak sejarah berhubung negeri Terengganu.

*Syair Sultan Almarhum Baginda Sultan Abu Bakar di Negeri Johor* dikaji oleh Noriah Mohamed pada 2001. Teks *Syair Almarhum Baginda Sultan Abu Bakar di Negeri Johor* hasil tulisan Na Tian Piet dijadikan teks analisisnya. Kajian luaran teks meliputi pengarang dan kepengarangan serta pentarikhan. Dalaman teks yang melibatkan isian teks, latar belakang Baginda Sultan Abu Bakar, sistem pendidikan di Johor, penampilan unsur Islam, senario kemakmuran negeri Johor. Beliau turut membandingkan teks *Syair Almarhum Baginda Sultan Abu Bakar di Negeri Johor* oleh Na Tian Piet dengan teks Syair Sultan Abu Bakar kajian karya seorang kelana yang berada di Pahang.

*Syair Tawarikh Zainal Abidin Yang Ketiga Sebuah karya Agung Terengganu* hasil penelitian Jelani Harun yang terbitkan dalam Jurnal Iman pada tahun 2015. Hasil penelitian ini untuk membincangkan kekuatan dan kedudukan *Syair Tawarikh Zainal Abidin Yang Ketiga* yang mampu untuk meletakkan karya ini sebagai sebuah Karya Agung. Jelani Harun, 2015 telah mengerjakan teks *Hikayat Misa Melayu*. Kajian beliau dilakukan dengan menjalankan proses transliterasi terhadap teks ini. Enam hikayat ini dijadikan landasan kepada beliau dalam proses transliterasinya. Jelani Harun juga turut menjelaskan perbezaan bagi keenam-enam teks hikayat ini. Kajian beliau juga tertumpu kepada sinopsis teks ini.

*Zainal Abidin III Biografi Sultan yang Adil dan Alim* hasil kajian Jelani Harun yang diterbitkan pada tahun 2017. Kajian beliau ini turut menganalisis teks *Syair Tawarikh Zainal Abidin Yang Ketiga* untuk penulisan asas biografi Sultan Zainal Abidin III dalam konteks sebagai sultan yang adil dan alim. Hasil kajian ini beliau merumuskan bahawa Sultan Zainal Abidin III adalah pemerintah yang adil dan alim pada zamannya. Kajian-kajian sebelumnya ini tertumpu kepada teks-teks syair Diraja yang lahir dalam era 1800 hingga 1900.

Ini bermakna kajian terhadap teks baharu yang lahir dalam era kontemporari ini tidak pernah dikerjakan oleh mana-mana sarjana. Maka kekurangan dan kelompongan inilah yang ingin diisi untuk mengetengahkan satu perbincangan dan teks baharu. Perbandingan berhubung idea kepengarangan antara dua teks syair Diraja era kontemporari menjadi analisis kajian.

## METODOLOGI

Kajian secara kualitatif digunakan dalam kajian ini. Metod kualitatif ini dipilih kerana penganalisisan yang digunakan menggunakan penelitian secara berulang terhadap kandungan kedua-dua teks karya ini. Kajian secara kualitatif ini dilakukan untuk pemahaman penyampaian idea atau isi cerita daripada teks-teks ini. Pembacaan rapi dilakukan terhadap dua teks kajian ini. Bacaan rapi terhadap teks *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat* dan *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar* dilakukan untuk mendapatkan maklumat berhubung inti atau idea yang dijadikan fokus kajian. Kaedah analisis kandungan diaplikasi bagi mendapatkan maklumat berhubung idea penulisan. Idea penulisan untuk mendapatkan maklumat berhubung kepengarangan kedua-dua penulis dalam mengangkat dan memartabatkan raja bagi negeri masing-masing. Maklumat atau data yang diperoleh, dikumpul untuk dianalisis dengan menggunakan kaedah kaji banding.

<sup>1</sup> Menurut Mohd Yusuf Hashim, teks C ini tidak dapat diberi sebarang judul kerana bahagian awal dan akhir teks ni telah hilang. Jika dibandingkan dengan teks A dan teks B. Jelas tertulis tajuk teks masing-masing. (1991: 56)

## Pengarang dan Teks

Guru mata pelajaran Bahasa Melayu peringkat menengah menjadi satu platrform untuk dua penulis ini menghasilkan karya syair Diraja. Penulis Perak, Ibrahim Mohd Said walau hanya berjaya menamatkan pendidikan dalam Diploma Keguruan tetapi penguasaan teknik penulisan syair menepati ciri-cirinya. Penulis teks *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar*, Maskiah binti Masrom pula memiliki ijazah Doktor Falsafah dalam bidang kesusasteraan. Ibrahim bin Mohd Said berjaya menghasilkan teks karya syair Diraja dengan 1344 rangkap. Karya beliau ditulis sebanyak 36 bab. Jadual di bawah menunjukkan topik yang menjadi isian penceritaan dalam *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat* yang telah diklasifikasikan.

Pengklasifikasi Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat mengikut topik dan peratusan penceritaan dalam teks.

Bahagian	Topik	Jumlah Rangkap	Peratus
1.	Biografi Sultan Azlan Shah	606	45%
2.	Sejarah	468	35%
3.	Alam Semulajadi	144	11%
4.	Lagenda	96	7%
5.	Budaya	30	2%
Jumlah		1344	100

Maskiah binti Masrom mempersembahkan karyanya dengan 1040 rangkap. Rangkap sebanyak 1040 ini beliau bahagikan kepada tujuh topik. Jadual di bawah menunjukkan topik yang menjadi isian penceritaan dalam karya syair Diraja oleh penulis kelahiran Rengit Johor ini.

Pembahagian mengikut topik dalam teks Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar.

Bahagian	Judul Tema	Jumlah Rangkap	Peratus
1.	Syair Menjunjung Kasih	100	10%
2.	Syair Keluarga Diraja Johor	133	13%
3.	Syair Istiadat Kemahkotaan	148	14%
4.	Syair Kembara Mahkota Johor (2001-2017)	245	24%
5.	Syair Cerita Dato' Abdul Rahim bin Ramli	117	11%
6.	Syair Istana Flintstones	167	16%
7.	Syair Junjung Titah	130	12%
Jumlah		1040	100

*Sumpah Setia Gunung Cheroh*, dan *Syair Peristiwa Sejarah di Perak* antara karya syair yang dihasilkan oleh Ibrahim bin Mohd Said. Genre novel, drama dan biografi turut menjadi pilihan beliau sebagai medium penyampai pemikirannya. Maskiah binti Masrom pula seorang penulis yang prolifik dan pelbagai genre karya yang beliau hasilkan seperti novel, cerpen dan puisi. Jika Ibrahim bin Mohd Said menjadikan syair sebagai wadah penyampai pemikiran dalam beberapa karya lainnya, Maskiah Masrom pula menjadikan syair Diraja ini sebagai cubaan pertama penghasilan karya beliau dalam genre ini.

## HASIL DAN PERBINCANGAN

Dua karya syair era kontemporari ini menjadikan sultan sebagai objek penceritaan. Sanjungan dan penghormatan terhadap sultan masing-masing menjadi idea pengkaryaan dalam karya syair Diraja yang lahir pada era kontemporari, *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat* dan *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar*. Berdasarkan penelitian, menemukan bahawa biografi raja menjadi idea kepenggarangan yang digunakan oleh kedua-dua pengkarya dalam usaha memartabatkan raja dan sultan masing-masing.

### Biografi Raja

Penulisan biografi atau riwayat hidup tokoh berhubung kisah dan pejelasan hidup dan kehidupan seseorang. Dua sultan menjadi model penceritaan dalam dua teks syair Dirja iaitu Sultan Azlan Shah pemerintah kerajaan negeri Perak dan Sultan Ibrahim, sultan Johor. Penggunaan pendekatan biografi tulen menjadi landasan penulisan dalam topik ini. Talib Samat (2012: 19-20) menjelaskan bahawa terdapat tiga bentuk biografi. Pertama biografi tulen, kedua biografi berfokus dan terakhir biografi seimbang (riwayat hidup dan kerjaya). Biografi tulen dilihat lebih selari dengan penulisan topik ini memandangkan maskud biografi itu ialah pengisahan seorang tokoh dari kecil hingga dewasa. Gaya penulisan biografi dapat dibahagikan kepada dua iaitu biografi kreatif dan penulisan biografi ilmiah. Gaya penulisan biografi ilmiah lebih menekankan keunggulan, ketokohan dan kecemerlangan seseorang tokoh dan menimbulkan kesan pemikiran juga ketokohan seseorang personaliti yang dibincangkan. Talib Samat (2012: 29) menyatakan bahawa gaya penulisan biografi ilmiah memperlihatkan kebenaran sejarah, kebenaran cerita, kejelasan fakta dan ketepatan susur galur tokoh yang digambarkan.

### Kelahiran

Sultan Azlan Muhibuddin Shah ibni Almarhum Sultan Yusuff Izzuddin Shah Ghafarullahu-lah, nama yang lengkap bagi Sultan Azlan Shah. Pada 19 April 1928, tarikh kelahiran baginda. Baginda dilahirkan di Kampung Manggis, sebuah perkampungan yang terletak di pinggir pekan Batu Gajah, Perak. Ibrahim Mohd Said menceritakan berhubung peristiwa kelahiran Sultan Azlan Shah seperti dalam petikan syair berikut:

Kampung Manggis-kampung sultan,  
Kampung keputeraan penuh kenangan,  
Manakan boleh dihapuskan begituan,  
Batu gajah-bandar sejarah ‘kesultanan’

Pecah khabar tersebar berita,  
Raja Bendahara menerima putera,  
Hilanglah lara timbul gembira,  
Waris negeri sudahlah ada.

Tanggal 19 April 1928 ‘Hari Keputeraan’  
Berlambang....bintang duabelasan,  
Bintang bertuah dalam kiraan,  
Dirgahayu ‘seruan rakyat pohonkan.

(Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat R168, 172 & R173)

Sultan Azlan Shah adalah putera kedua kepada Sultan Yusuff Izzudin Shah Marhum Ghafarullah. Sultan Yusuff merupakan Sultan Perak yang ke-32. Yang Teramat Mulia Toh Puan Besar Hatjah binti Dato Setia Wangsa ialah bonda baginda. Yang Teramat Mulia Toh Puan Besar Hatjah binti Dato Setia Wangsa, adalah anak kepada Dato Seri Setia Wangsa Ahmad Taib. Dato Seri Setia Wangsa Ahmad Taib merupakan pembesar yang terkenal di Batu Gajah. Beliau juga adalah seorang hartawan ternama. Dato Seri Setia Wangsa ini juga adalah pelombong Melayu yang berjaya. Beliau juga lebih dikenali sebagai Kerani Ahmad. Hasil perkahwinan antara Sultan Yusuff dan Yang Teramat Mulia Toh Puan Besar Hatjah binti Dato Setia Wangsa Ahmad bin Taib telah dikurniakan dua putera. Putera sulung Raja Baharom Shah dan Raja Azlan Shah, putera kedua. Petikan syair berikut berhubung Ibrahim bin Mohd Said menjelaskan pernyataan ini melalui petikan syairnya seperti di bawah:

Muktamat keputusan diambil sudah,  
Raja Yusuff mengahwini Hatijah,  
Tinggallah mereka di Batu Gajah,  
Demikianlah berkisah sebuah kisah

Kerani Ahmad orang berbahagia,  
Anak Hatijah dikahwini Raja,  
Bendahara Yusuf-raja diperkata,  
'Tuk Indera Dewangsa' diberi kurnia.

(Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat R146 & R173)

Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim, Sultan Johor pula diputerakan pada 22 November 1958. Baginda diputerakan di Johor Bahru. Baginda diberi nama Tuanku Ibrahim Ismail Ibni Tuanku Mahmood Iskandar. Baginda adalah anak kedua kepada pasangan Sultan Iskandar dan Josephine Ruby. Baginda adalah putera sulung pasangan ini. Sultan Iskandar dan Josephine Ruby juga dikurniakan tiga puteri iaitu Kamariah Aminah, Azizah da Zabedah. Josephine Ruby baginda berasal dari England iaitu di Torquay dan dinamakan sebagai Orang Cornwall dengan gelaran keluarga Trevorrow. Sebagai putera sulung pastinya baginda Sultan Iskandar mempunyai peluang yang cerah untuk bakal memerintah kerajaan negeri Johor. Petikan syair di bawah menceritakan pernyataan ini.

22 November tahun 1958,  
Tuanku selamat diputerakan,  
Di Johor bahru darah ditumpahkan,  
Bakal diangkat menjadi sultan.

Josephine Ruby namanya bonda,  
Trevorrow pula gelaran keluarga,  
Orang Cornwall di Englanda sana,  
Torquay di hujung tanah letaknya ia.


Tuanku lahir empat bersaudara,  
Tiga puteri dan seorang putera,  
Kamariah Aminah kekanda tua,  
Azizah dan Zabedah turuti baginda.

(Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R9, 12 & 13)

Sultan Ibrahim, Sultan Johor 30 tahun lebih muda berbanding dengan Sultan Azlan Shah, Sultan bagi kerajaan negeri Perak. Sultan Azlan Shah adalah putera kedua bagi Sultan Yusuf. Baginda mempunyai kekanda iaitu Raja Baharom Shah. Hasil perkahwinan Sultan

Yusuf dengan Toh Puan Besar Hatijah, baginda dikurniakan dua orang putera, iaitu Raja Baharom Shah dan Sultan Azlan Shah. Baginda Sultan Ibrahim pula adalah satu-satunya putera bagi pasangan Sultan Iskandar dan Josephine Ruby. Ini bermakna, baginda Sultan Ibrahim bakal dilantik sebagai pewaris takhta kerajaan Johor. Situasi ini berbeza dengan Sultan Azlan Shah pemerintah kerajaan negeri Perak. Baginda Sultan Azlan Shah hanya akan dilantik sebagai pemerintah kerajaan negeri Perak setelah baginda melalui proses Pewaris Takhta Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan. Meor Ahmad Tajuddin Meor Mazlan (2005: 102) menyenaraikan raja-raja di bawah pemerintahan negeri Perak ialah Yang Amat Mulia Raja Kechil Bongsu, Yang Amat Mulia Raja Kechil Tengah, Yang Amat Mulia Raja Kechil Sulung, Yang Amat Mulia Raja Kecil Besar, Duli Yang Amat Mulia Raja Di Hilir dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak seperti rajah di bawah.

#### Sistem Pewarisan Takhta Negeri Perak



Sultan Azlan Shah tidak menduga untuk dilantik sebagai Sultan Perak apatah lagi sebagai Yang Dipertuan Aong. Hal ini juga dinyatakan oleh Wan Hashim Wan Teh dalam *Biografi Bergambar Duli Yang Maha Mulia Sultan Azlan Shah* "...malah Baginda sendiri tidak pernah mimpikan bahawa pada suatu hari nanti Baginda dapat mengikut jejak langkah ayahanda Baginda untuk turut bersemayam di atas takhta kerajaan" (1989:69).

#### Pendidikan

Dalam konteks pendidikan, Sultan Azlan Shah juga seperti kanak-kanak lainnya. Baginda memulakan proses ini bermula dari peringkat sekolah rendah. Setelah mencapai umur tujuh tahun, Sultan Azlan Shah dihantar untuk belajar di sebuah sekolah di Batu Gajah, iaitu Sekolah Kebangsaan Sultan Yusuff dan Sekolah aliran Inggeris, Goverment Englis School. Petikan syair hasil karya Ibrahim bin Mohd Said membuktikan pernyataan ini.

Demikianlah genap umur persekolahan,  
Mulalah Belajar Raja Azlan,'  
Sekolah Melayu permulaan didikan,  
Mula mengenal huruf bacaan,

Lama belajar sekolah Melayu,  
Sampai tamat tempoh waktu,  
Darjah Lima peringkat mercu,  
Tamat pengajian setakat situ,

Tamat Melayu bersambung Inggeris,  
*Goverment Englis School* sekolah dipilih,  
Sebelah sekolah Kampung Manggis,  
Bertualah hidup tiadalah jerih.

*Goverment Englis School* nama dulu,  
Sekarang menjadi sekolah Melayu,  
S.K. Indera Dewangsa namanya baru,  
Situlah Raja Azlan belajar dulu.

(Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat R180, 181, 184& 185)

Sultan Ibrahim menerima pendidikan awal di sekolah biasa sama seperti Sultan Azlan Shah dan rakyat jelata yang lain. Baginda mendapat pendidikan peringkat sekolah rendah di Sekolah Temenggong Abdul Rahman. Peringkat sekolah menengah, baginda mendapat pendidikan di Maktab Sultan Abu Bakar, dan English College, Johor Bahru. Baginda juga turut mengikuti pendidikan agama secara formal. Penguasaan ilmu tajwid untuk bacaan al-Quran turut diajarkan kepada baginda. Ini membolehkan baginda untuk tamat dan khatam al-Quran semasa baginda di peringkat sekolah rendah lagi. Hal ini dapat diperhatikan berdasarkan petikan syair yang diceritakan oleh Maskiah binti Masrom dalam karyanya.

Di Johor Bahru sekolahnya baginda,  
Rendah dan menengah kedua-dua,  
Di Temenggong Abdul Rahman ia mula,  
Maktab Sultan Abu Bakar diikuti pula.

Ilmu agama turut dikuasai,  
Tahu tajuid boleh mengaji,  
Tamat Muqadham Quran dituruti,  
Agar menjadi Islam sejati.

(Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R16 & 17)

Setelah tamat pendidikan peringkat rendah, Sultan Azlan Shah meneruskan pendidikan peringkat menengah di Sekolah Menengah kebangsaan Sultan Yusuf hingga berjaya memperoleh Sijil *School Certificate*. Setelah tamat School Certificate pada tahun 1948 baginda meneruskan pengajian selama setahun di Maktab Melayu Kuala Kangsar. Baginda berjaya merangkul kejayaan cemerlang dalam peperiksaan *Higher School Certificate*. Seterusnya, baginda menyambung pendidikan peringkat ijazah di Universiti of Nottingham, England dalam bindang perundangan. Ijazah Sarjana Undang-undang berjaya baginda peroleh, setelah tiga tahun menuntut ilmu perudangan di universiti berkenaan. Baginda juga layak untuk mengikuti latihan sebagai peguam setelah diterima masuk ke badan Peguam Inggeris oleh *The Honourable Society of Lincoln's Inn* pada 23 Novermber 1954. Kejayaan ini telah membolehkan baginda membina kerjaya dalam bidang perundangan setelah kembali ke tanah air. Petikan syair berikut sebagai pembuktian pernyataan ini.

Beberapa tahun berlalu berulangan,  
Luluslah Azlan bidang perundangan,  
'Bachelor of Law' panggilan ijazahan,  
Berbangga keluarga rakyat keseluruhan.

Tamat pengajian habislah belajar,  
Dipanggil pergi 'Lincolns Inn Bar'  
Menerima ijazah menjadi 'Lawyer'  
Bidang kehakiman pilihan 'career'

(Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat R657& 660)

Sultan Ibrahim pula, setelah tamat pendidikan rendah dan menengah, baginda meneruskan pendidikan dengan mengikuti latihan ketenteraan dan pentadbiran awam. Baginda menjalani Kursus Taktikal Pegawai Muda di Pusat Latihan tentera Darat Malaysia (PULADA). Setelah tamat Kursus Taktikal Pegawai Muda ini, baginda ke Amerika Syarikat di Fort Benning, Georgia untuk Kursus Pegawai Muda iaitu Kursus *Airbone* dan *Ranger*. Hasilnya, baginda telah menerima Sayap Penerjun (“*Jump Wings*”) Tentara Amerika Syarikat. Seterusnya baginda mengikuti Kursus *US Army Special Officers* di Fort Bragg, Carolina Utara. Selain itu, baginda juga mengikuti latihan Pegawai Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM) di Lumut, Perak. Baginda juga pernah diundang ke Bandung Indonesia sebagai tetamu Tentara Nasional Indonesia- Angkatan Darat. Di sini baginda berjaya memperoleh sayap penerjun. Kejayaan ini telah membawa kepada satu lantikan sebagai anggota Kehormat Komando Pasukan Khusus Indonesia (KOMPASSUS). Maskiah binti Masrom, penulis Johor menyungguhkan pernyataan ini dalam petikan syair berikut.

Dari PULADA hingga Amerika,  
Di Bandung juga beberapa ketika,  
Latihan kawad ditekuni setia,  
Disiplinkan diri cara tentera.

(Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R23)

Sultan Ibrahim bukan sahaja mendalami ilmu ketenteraan, ilmu pentadbiran awam juga turut ditimba. Ilmu-ilmu pentadbiran ini diperoleh di Fletcher School of Law and Diplomacy di Boston, Massachussets di Amerika Syarikat. Baginda berjaya menamatkan dua kursus di Boston, Massachussets di Amerika Syarikat ini iaitu Kursus Kajian Strategik Asia Tenggara dan Kursus Undang-undang Laut Antarabangsa. Latihan ketenteraan dan ilmu pentadbiran awam diberikan kepada anak-anak kerabat DiRaja Johor untuk membentuk asas pengetahuan, ketabahan, disiplin dan akhlak yang mulia. Tujuannya kerana ketabahan, disiplin dan akhlak yang mulia adalah untuk elemen yang sangat diperlukan dalam menjalankan tugas-tugas raja yang memerintah negeri (Abdul Rahim Ramli 2017: xvi).

### Perkahwinan

Pada 9 Disember 1955, ketika usia baginda 27 tahun, Sultan Azlan Shah menamatkan zaman bujangnya<sup>2</sup> dengan Tuanku Bainun<sup>3</sup>. Pertemuan bermula buat pertama kalinya di Lapangan Terbang Heathroe England ketika Tunku Bainun dan 150 pelajar Malaysia berjaya mengikuti kursus Keguruan di Malayan Teachers Training College, Kirkby. Hasil perkahwinan<sup>4</sup> itu,

<sup>2</sup> Upacara akad nikah disempurnakan oleh Sahuul Smahah Tuan Kadhi Syed Salleh Al-Sagoff di kediaman YM Tunku Haji Ahmad ibni Tunku Ibrahim, seorang kerabat Diraja Kedah, sahabat ayahanda DYMM Tuanku Bainun. Esoknya pada 10 Disember 1955, majlis persandingan Diraja dan kenduri rakyat diadakan di Bagan Serai, di rumah Che Tak bin haji Daud yang merupakan ayah angkat YM Raja Azlan Shah. Segala alat Persandingan DiRaja dibawa dari Istana Iskandariah Kuala Kangsar ke Bagan Serai (Mohd Zuber Hj. Zain, (2007: 72).

<sup>3</sup> Tuanku Bainun seorang guru yang berjaya menarik minat dan memupuk rasa cinta pelajar terhadap mata pelajaran matematik. Menurut Aziz Ishak, Wartawan Utusan Malaysia ( bekas murid baginda), menyatakan bahawa DYMM Tuanku Bainunnialah seorang guru yang mempunyai pertakaran istimewa. Semasa Baginda mengajar di Sekolah Menengah Seri Ampang pada tahun 1977, beliau (Aziz Ishak) sangat lemah dalam mata pelajaran Matematik namun setelah diajari oleh Cikgu Bainun, beliau mampu menguasai mata pelajaran ini. Menurut beliau, Tunku Bainun berjaya merungkai satu mata pelajaran yang susah kepada mudah dengan, menerangkan konsep-konsep dan formula Matematik dengan jelas dan senang difahami (Mohd Zuber Hj Zain, 2007:76).

<sup>4</sup> Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak bernikah dengan Duli Yang Maha Mulia Sultan Azlan Shah Muhibbuddin Shah, setahun sekembalinya ke tanah air. Sepanjang bertugas sebagai guru, Baginda telah berkhidmat di Sekolah Rendah Batu

baginda dikurniakan lima cahaya mata dua putera dan tiga puteri. Petikan syair di bawah sebagai bukti pernyataan ini.

‘England menyimpan beberapa ‘nostalgia’,  
Raja Azlan mulai mengenal ‘cinta’  
Bertemu dengan Tuanku Bainun pula,  
Jodoh ‘serasi’berkahwinlah mereka.

(Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat R658)

Sultan Ibrahim menamatkan zaman bujangnya lebih awal berbanding Sultan Azlan Shah. Jika Sultan Azlan Shah menamatkan zaman buangnya pada usia 27 tahun, Sultan Ibrahim sultan Johor mendirikan rumah tangga ketika usia baginda 24 tahun pada 22 September 1982. Baginda melangsungkan perkahwinan dengan Raja Zarith Sofia, Puteri kepada Sultan Idris, kerabat kerajaan negeri Perak. Puteri Zarith Sofia memiliki ijazah dalam Bachelor of Art dari Universiti Oxford. Hasil perkahwinan ini, baginda dikurniakan enam cahaya mata iaitu lima putera dan seorang puteri. Petikan syair di bawah menceritakan pernyataan ini.

22 September penuh keberkatan,  
Tuanku melangsungkan perkahwinan,  
Raja Zarith Sofia kerabat pilihan,  
Puteri Sultan Idris hati tertawan.

Dikurniai Allah cahaya mata,  
Seorang puteri, lima putera,  
Tampan segak putera berlima,  
Cantik rupawan puteri juita.

(Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R37 & 40)

### Kejayaan

Mendokumentasikan kejayaan dan pengalaman hidup yang dilalui tokoh juga adalah ciri penulisan biografi seorang tokoh. Kejayaan dan pengalaman hidup tokoh merupakan satu mutiara berharga kerana kejayaan dan pengalaman hidup tokoh dapat dijadikan sebagai satu landasan untuk mencipta dan mencapai hasrat dan cita-cita. Selain itu, dapat dijadikan satu sumber pengajaran dan teladan untuk meraih kejayaan. Bagi Talib Samat (2012:25), satu kerugian apabila biografi tokoh yang sarat dengan pengalaman itu hilang setelah kematian mereka. Inilah kelemahan paling ketara dalam tradisi penulisan biografi di Malaysia. Di Malaysia tidak ramai tokoh atau individu yang berkedudukan menulis tentang diri atau riwayat hidup mereka sendiri. Merujuk kepada pernyataan ini, terbukti bahawa Sultan Azlan Shah dan Sultan Ibrahim memiliki kejayaan yang wajar untuk dibanggakan. Kejayaan Sultan Azlan Shah dan Sultan Ibrahim yang dilakarkan dalam karya syair ini wajar untuk khalayak menjadikannya sebagai sebagai satu landasan dalam mencapai cita-cita juga wajar dijadikan satu sumber pengajaran untuk meraih kejayaan.

Kejayaan dalam bidang sukan, pendidikan dan kerjaya adalah gambaran yang dilukiskan pengarang Perak terhadap rajanya, Sultan Azlan Shah. Kejayaan Sultan Azlan Shah dalam bidang sukan kerana baginda berjaya merangkul kemenangan dalam sukan hoki sejak

---

Road, Kuala Lumpur; Sekolah Rendah King George V, Seremban; Sekolah Sultan Mahmud, Raub Pahang; Sekolah King Edward IV, Taiping; Sekolah Raja Perempuan, Ipoh dan Sekolah Methodist Perempuan, Kuantan. Pada tahun 1960, Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Bainun meletakkan jawatan sebagai guru. Baginda menyambung semula tugasnya sebagai guru dan meletakkan semula jawatan pada tahun 1979 apabila Duli Yang Maha Mulia Sultan Azlan Shah dilantik menjadi Hakim Besar Malaya.

dari peringkat sekolah hingga ke peringkat universiti. Sewaktu baginda di Universiti Nottingham, baginda adalah antara pemain universiti yang bermain untuk mewakili pasukan daerah iaitu Northen Cuounties. Baginda sebagai pemain tunggal bukan kulit putih. Ini dapat diperkuuh dengan hasil tulisan Wan Hashim Wan Teh dalam *Biografi Bergambar Duli Yang Maha Mulia Sultan Azlan Shah*, katanya:

Dalam bidang sukan Baginda dipilih untuk bermain dalam pasukan universiti dan pasukan daerah (Northen Counties). Kebolehan yang tinggi dalam permainan hoki melayakkan Baginda dihadiahkan pingat emas oleh Universiti Nottingham. Baginda adalah pemain tunggal dari kalangan bukan kulit putih yang dipilih untuk menerima pingat emas bagi permainan hoki peringkat Universiti ketika itu.

(1989: 73)

Kejayaan baginda dari sudut pendidikan telah meletakkan baginda sebagai Yang Dipertuan Agong Negara yang memiliki kelayakan akademik terbaik. Baginda adalah pemegang ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari Universiyi of Nottingham. Baginda juga dikatakan bahawa antara anak Melayu pertama atau pelopor kepada penerokaan bidang kehakiman ini<sup>5</sup>. Satu bidang pendidikan yang yang tidak dikenali di Malaysia ketika itu. Pernyataan ini diperkuuh dengan pandangan Wan Hashim Wan Teh (1989:4):

Di waktu itu, bilangan anak-anak Melayu yang dihantar untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri amatlah kecil dan boleh dikira dengan jari. Lebih kecil lagi bilangannya bagi mereka yang mengikuti jurusan undang-undang. Malah boleh dikatakan bahawa Baginda adalah salah seorang pelopor yang menerokai bidang ini; satu bidang yang tidak begitu dikenali di Tanah Melayu pada masa itu.

Ibrahim bin Mohd Said melakarkan kejayaan Sultan Azlan Shah ini melalui petikan syair berikut:

Preseiden, naib presidan persatuan segala,  
Menjadi Presiden Hoki Malaysia,  
Menjadi pula Presiden Hoki Asia,  
Antarabangsa Hoki Fderation-Naib Presiden jua.

Sultan kita Raja terbilang,  
Bukanlah orangnya calang-calang,  
Akademiknya tinggi pangkat menjulang,  
Seantero dunia dikenali orang.

(*Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat R1314 &696*)

Selain itu, Sultan Azlan Shah berjaya dalam bidang kerjaya. Baginda bermula dengan jawatan Majistret Kelas Pertama akhirnya baginda menjawat Ketua Hakim Negara. Ketua Hakim Negara merupakan jawatan kakitangan awam tertinggi negara. Baginda adalah satu-satunya kakitangan awam yang turut menjawat sebagai Yang Dipertuan Agong. Ibrahim bin Mohd Said merakamkan kejayaan baginda dalam kerjaya ini seperti petikan syair berikut:

<sup>5</sup> Menurut Mohd Rosli Saludin & Siti Hajar binti Raihan (2019: 109-110) menyatakan bahawa Tuanku Jaafar ibni Almarhum Tunku Abdul Rahman yang merupakan Yamtuhan Besar Negeri Sembilan yang Ke-10 memerintah dari tahun 1967 hingga 2008. Baginda juga memiliki ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari universiti yang sama dengan Sultan Azlan Shah iaitu Universiti of Nottingham. Walau bagaimanapun kerjaya Tunku Jaafar ibni Almarhum Tunku Abdul Rahman ini lebih menjurus kepada bidang politik. Baginda bertugas dalam membina hubungan diplomatik. Baginda mengambil kursus khas dalam perkhidmatan diplomatik di London. Dengan kursus yang dimiliki ini baginda telah dilantik sebagai Setiausaha di Washington D.C, Setiausaha Pertama dengan Misi Kekal ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, Konsul dan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu di London.

Seluruh dunia tersebar berita,  
Agong baru bekas Ketua Hakim Negara,  
Kali pertama berlaku perkara,  
Muka pertama akhbar liputan warta.

(Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat R761)

Sultan Azlan Shah adalah Hakim termuda yang pernah dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi ketika usia baginda dalam 37 tahun. Pelantikan ini dikatakan sebagai satu sejarah kepada negara kerana menurut Mohd Zuber Hj. Zain (2007: 75) pelantikan Sultan Azlan Shah sebagai Hakim Mahkamah Tinggi pada tahun 1963 adalah satu sejarah yang berjaya dicatat buat negara kita. Pelantikan Baginda sebagai Hakim Mahkamah Tinggi ini telah meletakkan nama Baginda sebagai hakim termuda bukan sahaja dalam konteks negara khususnya tetapi juga seluruh negara Komanwel umumnya. Ibrahim bin Mohd Said menceritakan sejarah ini dalam petikan syair berikut;

Sultan kita raja terbilang,  
Bukanlah orangnya calang-calang,  
Akademiknya tinggi pangkat menjulang,  
Seantero dunia dikenali orang.

(Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat R696 )

Kejayaan lambang kehebatan. Sekiran Sultan Azlan Shah berjaya dalam bidang sukan, pendidikan dan dunia kerjayanya. Sultan Ibrahim juga tidak kurang hebatnya. Baginda berjaya memajukan daerah Mersing yang jauh tertinggal dalam dunia pembangunan. Mersing, kini muncul sebagai sebuah lokasi pelancongan yang menjadi satu kewajipan kepada pelancong tempatan dan luar untuk mengunjunginya. Petikan syair di bawah membuktikan pernyataan ini.

Tuanku mempunyai satu wawasan,  
Daerah Mersing ingin dimajukan,  
Ingin disuntik daya tarikan,  
Supaya jadi kota pelancongan.

Mersing kini berkembang maju,  
Pantainya bersih ditiuo bayu,  
Pelbagai produk diniaga di situ,  
Keropok lekor jualannya maju

(Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R83 & 495)

Wawasan Sultan Ibrahim untuk memajukan daerah Mersing dianggap sebagai satu kejayaan. Mersing kini mucul sebagai sebuah daerah yang menjadi pilihan pelancongan memandangkan banyak pihak mengambil pelbagai langkah untuk memastikan daerah Mersing mampu muncul sebagai lokasi pelancongan seperti yang baginda hasratkan. Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) giat untuk mempromosikan daerah Mersing ini melalui projek pelancongan yang dirangka. Daerah Mersing telah dijadikan sebahagian daripada konsep ‘Dari Hutan Hujan ke Terumbu Karang’ atau ‘Rainforest to Reef’(R2R). Projek ini bertujuan untuk menggabung atau menyatukan semua produk, aset dan pembangunan ekopelancongan dari Taman Negara Endau-Rompin hingga ke kawasan pulau, pantai dan juga terumbu karang yang berada di perairan Mersing. Melalui projek ini pulau-pulau yang berada di daerah Mersing ini seperti Pulau Aur, Pulau Sibu dan Pulau Pemanggil akan menjadi sebuah destinasi pelancongan serantau atau bertaraf dunia (Ishak Yusuf dan

Mustafa Omar, 2014: 82-92). Petikan syair karya penulis Johor di bawah membuktikan pernyataan ini.

Mersing kini berkembang maju,  
Pantainya bersih ditiup bayu,  
Pelbagai produk diniaga di situ,  
Keropok lekor jualannya maju.

Pulau Aur di tengah lautan biru,  
Begitu segar disapa sang bayu,  
Gotong-royong sudahlah tentu,  
Projek School Net dibuat di situ.

Tanjung Balang, Pasir Panjang,  
Penduduk ke laut pagi dan petang,  
Pusat Penyelidikan Penyu sekarang,  
Sesiapa sahaja boleh bertandang,

(Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R495,498 & R500).

Kedua, kejayaan Sultan Ibrahim membina Istana Flinstone, istana yang dibina terhasil melalui imaginasi baginda daripada sebuah karya. Karya animasi yang digenrekan dalam bentuk sitkom komedi. Hasil arahan dan terbitan Willian Hanna Joseph Barbera mengenai Fred dengan isterinya Waima serta anak tunggal mereka. Kartun ini yang ditayangkan selama enam musim. Kartun animasi ini mula disiarkan pada 30 September 1960 hingga 1 April 1966. Rumah Fred dan Waima yang digambarkan dalam karya kartun ini adalah binaan daripada batuan. Memandangkan mereka yang hidup dalam Zaman Batu, namun rumah berkenaan mempunyai segala kelengkapan. Karya ini digemari ramai bukan sahaja kerana gambaran latar tempatnya yang menggunakan kediaman, alatan dan penggunaan masayarakat Zaman Batu tetapi penceritaannya yang menyamai perjalanan kehidupan masyarakat pada masa kini. Minat dan kecintaan Sultan Ibrahim yang mendalam terhadap karya ini menyebabkan sebuah rumah yang digambarkan dalam kartun ini ingin baginda realisasikan binaannya di alam nyata. Istana Flinstone berjaya dibina di atas tanah seluas 24 hektar di tepi pantai. Istana dua tingkat ini tidak dibina seperti bangunan lain. Bangunan yang dibina berbentuk segi empat dan berbumbung sama ada rata<sup>6</sup> atau pun curam<sup>7</sup>. Sebaliknya Istana Flinstone ini dibina seperti sebuah gua. Sebuah gua yang memiliki gua-gua kecil yang dibina untuk fungsi-fungsi tertentu. Untuk membentuk kediaman laksana sebuah gua seperti ini maka bentuk bangunan dalaman istana ini berkeluk-keluk. Dalam pada masa yang sama keadaaan ini menyebabkan binaan bumbung istana akan terbentuk sedemikian juga. Untuk membezakan antara setiap keluk itu, bumbung Istana Flinstone ini diserikan dengan pelbagai warna. Fungsinya agar bangunan ini akan dapat dilihat dengan jelas di kejauhan atau dari ruang angkasa. Di samping itu, ruang bumbung berkenaan juga turut dihiasi dengan patung kartun Flinstone. Maskiah binti Masrom menceritakan binaan Istana Flinstone ini dalam syair pada bahagian keenam dengan topik khusus. Petikan syair di bawah sebagai pembuktian.

Kartun Flinstone diminati Tuanku  
Semenjak baginda kecil dahulu  
Watak Fred hidup zaman batu

<sup>6</sup>Bumbung rata biasanya merujuk kepada bumbung yang mempunyai kecerunan 10 darjah. kerangka bumbung yang rata memerlukan kayu, besi, papan konkrit, rasuk konkrit. Bumbung ini akan ditutup dengan bahan tahan air atau kalis air. Contohnya zink, besi, kuprum atau sebagainya. Bumbung ini juga memerlukan kasau atau kekuda di tengah untuk menyokong gelung.

<sup>7</sup>Bumbung curam mempunyai kecerunan yang melebihi 10 darjah. Bumbung ini mempunyai pelbagai jenis seperti limas, layang, Minangkabau, limas Belanda dan sebagainya.

Isterinya Wima dan anak nan satu

Istana sultan menarik perhatian,  
Orang luar dan rakyat tempatan,  
Terletak di Mersing pilihan sultan,  
Dekat laut indah pandangan.

Bumbung istana punya tarikan,  
Sesiapa pun tak alih pandangan,  
Jika helikopter melintasi bangunan,  
Animasi di bumbung jadi tarikan.

Dari jauh nampak bumbungnya,  
Berkeluk-keuk pelbagai warna,  
Beberapa buruh sedang bekerja,  
Menata rias patuh baginda.

(Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R753,775, 776, 743 & 785)

Selain itu, terbinanya Istana Flinstone ini juga dianggap sebuah kejayaan kerana reka bentuk istana ini hanya dapat dibina dengan izin serta kebenaran daripada pemilik syarikat perfileman dari Amerika Syarikat. Tanpa kebenaran dan izin daripada pihak syarikat penerbitan, Sultan Ibrahim bakal berdepan tindakan undang-undang. Situasi ini akan mengundang impak negatif bukan sahaja kepada baginda sendiri tetapi juga kepada negara umumnya. Petikan syair penulis Johor juga menyatakan perkara ini dalam petikan syairnya seperti di bawah;

Penyelia projek keturunan Afrika,  
Banyak fikiran yang luar biasa,  
Menyuguh ilham yang bergeliga,  
Rumah Flinstone yang bersaiz mega.

Hanna Barbera berikan keizinan,  
*Flinstone Palace House* digunakan,  
Selagi bukan tujuan keuntungan,  
Bebas diguna sepanjang zaman.

(Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R 745 & 750)

### Ketokohan

Ketokohan dapat dimaknakan kepada dua keadaan iaitu sifat terbaik yang dimiliki dan roman fizikal yang menarik. Seseorang itu dikatakan memiliki kelebihan sekiranya roman fizikalnya menarik serta mempunyai sifat terbaik ditambah dengan kebijaksanaan, berkedudukan dan memiliki kekayaan. Tidak keterlaluan dikatakan bahawa Sultan Azlan Shah memiliki pakej sesempurna ini. Baginda memiliki kelebihan dari sudut kebijaksanaan, kekayaan dan kedudukan. Berjiwa rakyat sifat terbaik yang baginda miliki sebagai seorang raja atau sultan. Berjiwa rakyat merujuk semangat, cita-cita yang mulia serta tidak berkira dalam memberi pengorbanan untuk membantu rakyat. Sebagai seorang pemerintah negeri yang bergelar sultan sifat berjiwa rakyat sangat disukai rakyat. Hal ini dapat diperhatikan dalam petikan syair di bawah.

Raja Azlan bercampur rakyat,  
Bebaskan diri sekat menyekat,  
Bergerak berjalan bersama rakyat,  
Rakyat memberi sokongan padat.

Dalam masa khidmat lantikan,  
Tuanku banyak membuat lawatan,  
Bercampur rakyat berbagai lapisan,  
Kesempatan diambil berbual bersalaman.

Seorang Raja berjiwa rakyat,  
Bersebatii jiwa dengan masyarakat,  
Ke mana juga berangkat melawat,  
Kesempatan diambil bertemu-berjabat.

(Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat R202,766 & 849)

Kedua, ketokohan baginda dalam makna kata memiliki roman dan fizikal yang menarik dan sempurna. Sultan Azlan Shah dilukiskan sebagai seorang sultan yang memiliki ketampanan. Wajahnya yang dikatakan tampan, kacak atau *handsome* dengan feksyen rambut beremus ala pelakon terkenal seantero dunia iaitu P.Ramlee. Penulis kelahiran Perak, Ibrahim bin Mohd Said menggambarkan hal ini seperti petikan syair berikut;

Bila besar bertambah seri,  
Segak kacak rupanya diri,  
'Handsome' orangnya perkataan terkini,  
Beremus berfesyen ala P.Ramlee.

(Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat R94)

Dari sudut fizikal, baginda memiliki tubuh yang tidak terlalu kurus. Baginda juga memiliki ketinggian yang sesuai dengan bentuk tubuhnya. Dan kerana bentuk tubuh kurus dan tinggi ini membolehkan baginda mencapai kecemerlangan dalam sukan dan olahraga. Wan Hashim bin Wan Teh (1989:71) menjelaskan bahawa ..tubuh badan baginda yang langsing dan ringan membolehkan baginda bergerak dengan pantas.

Sultan Ibrahim juga memiliki ketokohan melalui ifat terbaik serta memiliki roman fizikal yang menarik. Sultan Ibrahim memiliki ketampanan tersendiri. Dapat dibayangkan ketampanan yang diwarisi daripada ibu berketurunan bangsa Eropah. Petikan syair berikut membuktikan pernyataan ini.

Di PULADA enam purnama,  
Berhujan berpanas jadi biasa,  
Kulit cerah berubah warna,  
Kekekalan diri senjata utama.

(Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R24)

Sultan Azlan Shah dan Sultan Ibrahim, dua pemerintah berjiwa rakyat. Rakyat didahulukan dan diutamakan menjadi pegangan dalam pemerintahan. Sultan Ibrahim berpegang dengan Moto 'sepakat membawa berkat'. Konsep sepakat yang menjadi tunjang dalam pemerintahan dengan melatakan diri baginda adalah sebahagian daripada hidup rakyatnya. Baginda inginkan agar seluruh rakyatnya bersatu di bawah pentadbiran biar berbeza kepercayaan, agama dan budaya. Rakyat juga bersedia untuk menerima Islam menjadi landasan pemerintahan. Program 'Kembara Rakyat' dirangka untuk memastikan kesepakatan yang

diinginkan ini terbina dan direalisasikan. ‘Kembara Rakyat’ dilaksanakan dengan pelbagai pendekatan iaitu melalui permainan, kebudayaan, pendidikan, kesihatan, pelancongan dan keagamaan. Petikan syair penulis Johor merakamkan sikap berjiwa rakyat yang dimiliki rajanya, Sultan Ibrahim seperti berikut;

Pontian, Kulai dan Kota Tinggi,  
Turut dikunjungi tidak ditinggali,  
Rakyat jelata dapat disantuni,  
Mereka amat berbesar hati.

Tua muda lebai dan haji,  
Teruna, dara, budak dan bayi,  
Melayu, Cina, India dan Asli,  
Seluruh rakyat Tuanku kasih.

(Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R47 & 48)

### Jasa dan Sumbangan

Jasanya dan sumbangan Sultan Azlan Shah begitu besar terhadap rakyat negeri Perak khususnya dan negara Malaysia amnya. Jasa baginda yang cukup besar buat rakyat negeri Perak dengan pengisytiharan *Royal Belum* sebagai hutan simpan yang memiliki kekayaan spesis flora dan fauna. Objektif pengisytiharan *Royal Belum* sebagai hutan simpan menggelakkkan sebarang aktiviti ekonomi yang akan merampas, menghapus dan memusnahkan habitat alam semula jadi di Perak. Penulis Ibrahim bin Mohd Said menceritakan hal ini dalam petikan syairnya seperti berikut:

Khazanahnya semua perlu dijaga,  
Jangan dibiarkan ‘tercuri’ pula,  
‘Warisan kita sangat berharga,  
Sukar diperolehi serata dunia.

Banyak perkara telah diceritakan,  
Rimba Belum-Hutan Royalan,  
Rimbanya ‘baru’ diuar-uar-diisytiharkan,  
Atas nama ‘Agung-Sultan Azlan.

(Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat R975 & 976)

Pemusnahaan hutan akan dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab demi perkembangan ekonomi. Atas kesedaran inilah baginda inginkan agar pengisytiharan hutan simpan dilakukan. Selain itu, baginda ingin memberi kesedaran ini bukan sahaja kepada para pemimpin kerajaan negeri Perak tetapi juga kepada pemimpin negara Malaysia. Hal inilah yang ditulis pada pendahuluan teks *Sebutir Permata di Atas Takhta Pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Azlan Muhibbuddin Shah*.

Baginda turut memainkan peranan utama dalam memberikan kesedaran kepada kerjaan negeri mengenai pemuliharan alam sekitar. Atas daya usaha baginda, hutan di sekitar Tasik Banding telah dibangunkan sebagai khazanah pemuliharan alam semula jadi. Kawasan yang dinamakan “Royal Belum” ini telah menarik perhatian pencita alam semula jadi seluruh dunia.

(Mohd Shamsudun 2006: 3)

Terlalu banyak jasa dan sumbangan yang dilakukan oleh Sultan Ibrahim terhadap rakyatnya. Jasa dan sumbangan baginda yang memberi keuntungan memberi keuntungan kepada semua rakyat naungan baginda. Jasa Sultan Ibrahim dapat ditemukan melalui usaha baginda memajukan Mersing dan menguntungkan banyak pihak. Mersing dikenali sebagai lokasi pelancongan dunia. Kemajuan Mersing memberi ruang ekonomi kepada penduduk sekitarnya. Jasa dan sumbangan Sultan Ibrahim juga tidak boleh dikesampingkan melalui Penubuhan Yayasan Pendidikan dan Yayasan Perubatan Johor. Misi penubuhan Yayasan Pendidikan untuk membantu dari sudut kewangan kepada pelajar yang kurang berkemampuan. Sultan Ibrahim menubuhkan Yayasan Perubatan untuk penyelidikan khusus terhadap penyakit kanser. Petikan syair di bawah menjelaskan hal ini.

Pada hari ulang tahun baginda,  
Cuti mingguan diwarta semula,  
Jumaat dan Sabtu dikuatkuasa,  
Agar kesejahteraan buat semua.

Yayasan Kanser Tunku Laksamana,  
Diancar rawat penyakit nan bahaya,  
Membantu rakyat yang tidak upaya,  
Agar kesedaran meningkat hendaknya.

(Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar R53 & 548)

## KESIMPULAN

Biografi raja menjadi idea kepenggarangan Mohd Ibrahim bin Said dan Maskiah binti Masrom dalam teks Syair Sultan Azlan Shah Berjiwa Rakyat (2009) dan Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar (2018). Dua penulis ini merakamkan sejarah sultan yang hidup sezamannya dalam karya syair yang mereka hasilkan. Kelahiran, perkahwinan, pendidikan, kejayaan, ketokohan dan sumbangan atau jasa yang dicurahkan sultan menjadi inti penghuraian dalam biografi dua tokoh Diraja ini. Sultan Azlan Shah lahir dan dibesarkan di sebuah perkampungan, sedangkan Sultan Ibrahim hidup dan membesar sebagai anak kerabat DiRaja. Sultan Azlan Shah mengahwini Tengku Permaisuri Bainun ketika berusia 27 tahun. Sultan Ibrahim pula mengahwini Tengku Zarith Sofia pada usia 24 tahun. Bidang kehakiman bidang yang diminati Sultan Azlan Shah dan baginda berjaya merangkul ijazah sarjana muda dalam bidang ini dari Universiti of Nottingham, England. Bidang ketenteraan pula pendidikan lanjutan yang Sultan Ibrahim tekuni sebelum bergelar Tengku Mahkota Johar. Latihan ketenteraan, tradisi yang harus baginda pelajari untuk dilantik sebagai pewaris takhta.

Kejayaan Sultan Azlan Shah dalam bidang sukan, pendidikan dan kerjaya dilakarkan penulis Perak dalam karyanya. Memajukan daerah Mersing dan membina Istana Flinstone pula adalah rakaman kejayaan yang dicapai oleh Sultan Ibrahim, sultan Johor. Sultan berjiwa rakyat, ketokohan yang dimiliki sultan Perak dan Johor. Kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat menjadi keutamaan kedua-dua sultan dalam melaksanakan pemerintahan. Justeru, harta negeri dipelihara untuk kepentingan rakyat dan kemajuan ekonomi rakyat menjadi keutamaan dalam dasar pentadbiran.

## RUJUKAN

Abdul Rahim Ramli. 2011. *Sejarah Adat Istiadat Diraja Johor*. Johor Bahru: Penerbit UTM Pres.

- Abdul Rahim Ramli. 2013. *Adat Istiadat Kesultanan Johor Moden 1855-2012*. Johor Bahru: Penerbit UTM Pres.
- Abdul Rahim Ramli. 2017. *Kemahkotaan DYMM Sultan Ibrahim Sultan Johor*. Kuala Lumpur: Penerbit UTM Press
- Ibrahim Mohd Said. 2009. *Syair Sultan Azlan Shah, Putera Berjiwa Rakyat*. Kuala Lumpur: Jabatan Arkib Negara.
- Ishak Yusuf & Mustaffa Omar. 2014. Pembangunan dan Pencapaian Kualiti Hidup Penduduk Mersing. Dlm. *Maritim Mersing Warisan dan Sosioekonomi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maskiah Masrom. 2018. *Syair DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar*. Johor Bahru: Jabatan DiRaja Johor, Istana Besar.
- Meor Ahmad Tajuddin b.Meor Mazlan. 2005. *Tun Sab'an dan Pembesar Melayu Perak*. Perak: Yayasan Perak.
- Mohd Shamsudin. 2006. *Sebutir Permata di atas Takhta Pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Azlan Muhibbuddin Shah*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Mohd Zuber Hj. Zain. 2017. *Tuanku Bainun Canselor Pendidik*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Talib Samat. 2012. *Sejarah Kedatangan dan Biografi Tokoh-tokoh Rawa yang terkenal di Malaysia*. Tanjung Malim: penerbit Mentari.
- Wan Hashim Wan Teh. 1989a. *Riwayat Hidup DYMM Sultan Azlah Shah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Hashim Wan Teh. 1989b. *Biografi Bergambar Duli Yang Maha Mulia Sultan Azlan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

ROSNANI BINTI IBRAHIM (P102800)

Pusat Penyelidikan Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu (BAYU)  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

DR. MUAMMAR GHADDAFI BIN HANAFIAH

Pusat Penyelidikan Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu (BAYU)  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

PROF. MADYA DR. SHAIFU BAHRI MD. RADZI

Pusat Penyelidikan Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu (BAYU)  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

\*Pengarang surat-menjurat: [muammar@ukm.edu.my](mailto:muammar@ukm.edu.my)

Received: 21 September 2021 / Accepted: 9 November 2021 / Published: 20 November 2021